

23/06/1998

Dr M mahu identiti kereta nasional dikekalkan

SHAH ALAM, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu industri automobil tempatan mengekalkan ciri-ciri kereta buatannya bagi memastikan identiti nasional kereta keluaran Malaysia, dipertahankan.

Sambil merujuk kepada kereta nasional Proton, beliau berkata langkah itu perlu kerana aliran industri automotif sekarang ialah penguasaan syarikat gergasi ke atas syarikat kecil di seluruh dunia yang hanya menjadi pekilang mereka.

Menurut Perdana Menteri, jika ciri-ciri tempatan tidak dikekalkan, kereta nasional bukan setakat kehilangan identiti, malah pengeluarannya hanya akan menjadi pekilang kereta ciptaan syarikat-syarikat gergasi itu.

Berucap merasmikan majlis meraikan pelanggan kesejuta EON di sini petang ini, Dr Mahathir percaya Proton mampu mengekalkan identiti kereta nasional dengan kerjasama rakan-rakannya seperti Mitsubishi, Lotus dan syarikat kecil lain, jika sentiasa berwaspada dengan aliran itu.

"Sementara kita tidak menolak kerjasama dengan syarikat-syarikat gergasi ini. Identiti Proton dan EON hendaklah dikekalkan.

"Walaupun aliran sekarang ke arah syarikat-syarikat gergasi yang bergerak di seluruh dunia, kalau kita berjaga-jaga, kita boleh terus kekalkan identiti kita," katanya.

Hadir sama di majlis itu ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Pengerusi Eksekutif DRB-Hicom, Tan Sri Saleh Sulong.

Perdana Menteri berkata usaha mengekalkan identiti kereta nasional itu boleh dibuat dengan memastikan kereta Proton terus canggih dari semasa ke semasa.

"Untuk itu kita perlukan fikiran terbuka dan bersedia menerima teknologi baru serta mencuba sendiri idea-idea baru. Dengan cara itu, ia menjadikannya unik," katanya.

Dr Mahathir juga berharap dalam jangka masa singkat, Proton dan EON akan dapat mencatatkan satu lagi sejarah mengeluarkan dan menjual sejuta lagi kereta Proton dengan 900,000 daripadanya untuk pasaran eksport.

Menurutnya, kegawatan ekonomi sekarang mempunyai kebaikan seperti yang pernah berlaku ketika kereta nasional mula dikeluarkan pada 1984. Ketika itu hanya ada 25,000 kereta nasional dijual kerana daya beli rakyat kurang disebabkan kelembapan ekonomi.

Keadaan itu memaksa Proton mencari pasaran luar dan meningkatkan mutunya untuk menepati piawaian antarabangsa.

Pada majlis itu, Dr Mahathir menyampaikan cek berjumlah sejuta sen kepada Yeoh Eng Keat, 30-an, jurutera dari Pulau Pinang yang menjadi pelanggan kesejuta EON apabila membeli Proton Wira 1.3 GL Manual.

(END)